

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Konsep Kendiri di Kalangan Subjek Lelaki

Hipotesis 1 : Terdapat konsep kendiri yang positif bagi pelajar-pelajar lelaki di tiga buah sekolah di daerah Seremban.

Untuk melihat terdapat atau tidak konsep kendiri positif di kalangan pelajar-pelajar lelaki, kaedah peratusan telah digunakan. Penentuan konsep kendiri pula dibuat dengan mencari nilai min konsep kendiri iaitu dengan mencampurkan semua markah yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang dijawab kemudian dibahagikan pula dengan jumlah responden.

$$\begin{aligned}\text{Min konsep kendiri} &= \frac{\text{Jumlah markah soal selidik}}{\text{Jumlah responden}} \\ &= \frac{41165.000}{158} = 260.538\end{aligned}$$

Mana-mana responden yang mendapat kurang daripada 260.538 markah, dia dianggap mempunyai konsep kendiri yang negatif dan mana-mana responden yang memperolehi markah 260.538 dan ke atas dianggap mempunyai konsep kendiri yang positif.

Dari hasil penganalisan statistik deskriptif (Jadual 2), didapati bahawa seramai 39 daripada 72 orang subjek lelaki mempunyai konsep kendiri yang positif manakala 33 daripada subjek lelaki mempunyai konsep kendiri negatif. Ini bermakna 54.2 % daripada subjek lelaki mempunyai konsep kendiri positif dan 45.8 % mempunyai konsep kendiri negatif. Ini menunjukkan bahawa terdapat konsep kendiri yang positif di kalangan pelajar-pelajar lelaki di tiga buah sekolah

di daerah Seremban tidak kira sama ada pencapaian akademik mereka tinggi atau rendah. Seterusnya kenyataan daripada Hipotesis 1 adalah diterima.

JADUAL 2 Konsep Kendiri di Kalangan Subjek Lelaki

Konsep kendiri	Bilangan subjek	Peratus
Positif	39	54.2
Negatif	33	45.8
JUMLAH	72	100.0

4.2 Konsep Kendiri di Kalangan Subjek Perempuan

Hipotesis 2 : Terdapat konsep kendiri yang positif bagi pelajar-pelajar perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Dari hasil penganalisaan statistik deskriptif didapati bahawa seramai 43 orang daripada 86 orang subjek perempuan mempunyai konsep kendiri positif dan 43 orang juga mendapat skor konsep kendiri negatif. Ini menunjukkan bahawa 50 % subjek perempuan mempunyai konsep kendiri positif dan 50 % lagi mempunyai konsep kendiri negatif (Lihat Jadual 3). Oleh yang demikian terbukti bahawa terdapat konsep kendiri yang positif di kalangan pelajar-pelajar perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan tidak kira sama ada pencapaian akademik mereka tinggi atau rendah. Seterusnya kenyataan daripada Hipotesis 2 adalah diterima.

JADUAL 3 Konsep Kendiri di Kalangan Subjek Perempuan

Konsep sendiri	Bilangan subjek	Peratus
Positif	43	50.0
Negatif	43	50.0
JUMLAH	86	100.0

4.3 Perbandingan Konsep Kendiri di Kalangan Subjek Lelaki dan Subjek Perempuan

Hipotesis 3 : Terdapat perbezaan antara konsep sendiri pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Hipotesis ini adalah untuk melihat perbandingan antara konsep sendiri pelajar lelaki dan perempuan, maka kaedah pengujian 2 min iaitu ujian-t digunakan dengan aras keyakinan $p = 0.05$. Hipotesis ini juga telah diuji dengan menggunakan ujian khi-kuasa dua.

JADUAL 4 Ujian-t

Jantina	n	Min	SD	SE of mean	p
Lelaki	72	1.4583	0.502	0.059	0.442*
Perempuan	86	1.5000	0.503	0.054	

* $p > 0.05$

JADUAL 5 Ujian khi-kuasa dua

Jantina	Jantina		Jumlah
	Positif	Negatif	
Lelaki	39	33	72
Peratus	54.2	45.8	45.6
Perempuan	43	43	86
Peratus	50.0	50.0	54.4
Jumlah	82	76	158
Peratus	51.9	48.1	100.0

<u>Khi-kuasa dua</u>	<u>Nilai</u>	<u>DF</u>	<u>Signifikan</u>
Pearson	0.27254	1	$p = 0.60163^*$

$*p > 0.05$

Dari Jadual 4, menunjukkan bahawa min konsep sendiri subjek lelaki dan perempuan tidak berbeza secara signifikan ($p > 0.05$). Begitu juga dengan ujian khi-kuasa dua, nilai signifikan yang diperolehi adalah melebihi 0.05 ($p = 0.60163$). Ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri subjek lelaki dan perempuan (Lihat Jadual 5). Oleh itu kenyataan Hipotesis 3 adalah ditolak.

4.4 Hubungan antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar-pelajar Lelaki dan Perempuan.

Hipotesis 4 : Ada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

JADUAL 6 Ujian khi-kuasa dua

Jantina	Pencapaian Akademik		Jumlah
	Tinggi	Rendah	
Lelaki KK positif	13	26	39
Peratus	33.3	66.7	24.7
Lelaki KK negatif	3	30	33
Peratus	9.1	90.9	20.9
Perempuan KK positif	29	14	43
Peratus	67.4	32.6	27.2
Perempuan KK negatif	23	20	43
Peratus	53.5	46.5	27.2
Jumlah	68	90	158
Peratus	43.0	57.3	100.0

Khi-kuasa dua Nilai DF Signifikan

Pearson 29.37228 3 $p = 0.00000^*$

$*p < 0.05$

Keputusan kajian (Jadual 6) menunjukkan terdapat hubungan yang sangat signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar lelaki dan perempuan ($p < 0.05$). Ini menunjukkan pelajar-pelajar

lelaki dan perempuan yang mempunyai konsep diri positif akan mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Seterusnya, kenyataan dari Hipotesis 4 adalah diterima.

4.5 Hubungan Konsep Kendiri Dengan Aliran Mata Pelajaran

JADUAL 7 Hubungan Konsep Kendiri Dengan Aliran Matapelajaran

Aliran / Konsep Kendiri	Konsep Kendiri Positif	Konsep Kendiri Negatif	Jumlah
Sains	31	20	51
Peratus	60.8 %	39.2 %	100.0 %
Sastera	53	54	107
Peratus	49.5 %	50.5 %	100.0 %
Jumlah	84	74	158

Dari segi aliran matapelajaran pula, di dapati bahawa di kalangan pelajar-pelajar Sains, 60.8% menunjukkan konsep kendiri positif manakala 39.2% menunjukkan konsep kendiri negatif berbanding dengan aliran sastera 49.5% menunjukkan konsep kendiri negatif dan 50.5% menunjukkan konsep kendiri yang negatif. Hipotesis bagi perbandingan pelajar aliran sains dan sastera tidak diuji kerana setiap sekolah yang terlibat hanya mempunyai satu sahaja kelas aliran Sains berbanding dengan tujuh kelas aliran Sastera. Nisbah kelas Sains dan Sastera yang tidak sama ini boleh menyebabkan *bias* atau ketidakadilan pemilihan sampel kajian.